

# Pindaan Perkara 15(A) Perlembagaan Persekutuan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
dan **SUWARNI MOKHTAR**  
utusannews@medjamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan dijangka membentangkan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkenaan isu kewarganegaraan anak kepada wanita rakyat Malaysia dan pasangan warga asing yang lahir di luar negara dalam sidang Dewan Rakyat, September ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu terlebih dahulu akan dikemukakan dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja yang berlangsung dalam minggu ini.

“Saya percaya Majlis Raja-Raja akan berikan sokongan terhadap (usaha ini). Kita akan kemuka pindaan (Perlembagaan) pada sidang Parlimen akan September,” katanya ketika menyampaikan ucapan dalam Persidangan Undang-Undang Antarabangsa Malaysia 2023 di sini semalam.

Menurut Anwar, Kementerian Dalam Negeri menerima banyak permohonan kerakyatan di bawah Perkara 15(A) Perlembagaan Persekutuan yang menekankan keperluan mendesak untuk diambil tindakan.

Katanya, beberapa isu kritikal



**ANWAR Ibrahim menerima kunjungan hormat Shri Rajnath Singh di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI**

menyumbang kepada cabaran dihadapi oleh orang tanpa kerakyatan di Malaysia bagi kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu Malaysia.

“Usaha sedang dijalankan untuk menyelesaikan isu kewarganegaraan untuk mereka.

“Kami akan membentangkan pindaan kepada Perlembagaan

Persekutuan untuk menggantikan perkataan 'bapa siapa' dalam Bahagian I dan Bahagian II Jadual Kedua dengan perkataan 'sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapa,’” katanya.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Oth-

man Said berkata, pindaan pada Bahagian II Jadual Ke-2 Perlembagaan Persekutuan itu.

Langkah itu bagi membolehkan kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga Malaysia di luar negara mendapat hak kerakyatan negara ini, sama seperti anak kepada bapa warga Malaysia yang lahir di luar negara.

Sementara itu, Perdana Menteri menerima kunjungan hormat Menteri Pertahanan India, Shri Rajnath Singh, di pejabat beliau di Putrajaya semalam.

Dalam pertemuan itu, Anwar berkata, kedua-dua pihak melontarkan pandangan untuk menilai kerjasama pertahanan antara Malaysia dan India.

Kata beliau, ini termasuk berbincang untuk membentuk kerjasama baharu yang boleh diterokai bersama.

“Kami turut berkesempatan bertukar pandangan terkait isu-isu antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

“Saya turut dimaklum mengenai pertukaran surat (EOL) bagi meminda memorandum persefahaman (MoU) kerjasama pertahanan antara Malaysia dan India yang disempurnakan oleh kedua-dua menteri terlibat,” katanya.